

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR

BILANGAN 3 TAHUN 2017

HARI KELEPASAN AM NEGERI PERLIS

BAGI TAHUN 2018

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Staf dan Pelajar Universiti Malaysia Perlis berhubung Hari Kelepasan Am Negeri Perlis Bagi Tahun 2018.

2.0 LATAR BELAKANG

Bagi memastikan pengurusan organisasi dapat dilaksanakan mengikut perancangan yang telah ditetapkan, semua staf dan pelajar perlu peka akan tarikh-tarikh hari kelepasan am yang telah ditetapkan. Jadual hari kelepasan am ini berpandukan kepada Jadual yang dikeluarkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Bahagian Dewan Undangan Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

3.0 PELAKSANAAN

Pelaksanaan ini adalah tertakluk kepada perubahan dan jika mana-mana hari kelepasan am itu jatuh pada hari kelepasan mingguan atau kelepasan yang lain, maka hari tersebut hendaklah digantikan dengan hari esoknya dan jika hari esoknya itu pula sedia menjadi hari kelepasan, maka hari berikutnya pula hendaklah dijadikan hari kelepasan am. Jika hari kelepasan itu jatuh pada hari Sabtu, maka tiada cuti ganti baginya.

4.0 KALENDER CUTI KELEPASAN AM NEGERI PERLIS BAGI TAHUN 2018

Butiran makluman cuti adalah seperti di LAMPIRAN.

5.0 TARIKH KUATKUASA

Tarikh kuatkuasa Hari Kelepasan Am Negeri Perlis Tahun 2018 adalah mulai 1 Januari 2018 dan akan tamat pada 31 Disember 2018.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

‘Tunjang Mengukuh Di Bumi, Pucuk Menjulang Tinggi’



(ZUBER HJ MOHAMAD)
Pendaftar

Jabatan Pendaftar
Universiti Malaysia Perlis
26 Disember 2017



HARI KELEPASAN AM PERSEKUTUAN & NEGERI PERLIS BAGI TAHUN 2018

* TAHUN BARU CINA	16 FEBRUARI 2018
* TAHUN BARU CINA (HARI KEDUA)	17 FEBRUARI 2018
# ISRAK DAN MIKRAJ	14 APRIL 2018
* HARI PEKERJA	1 MEI 2018
* HARI WESAK	29 MEI 2018
# HARI NUZUL AL-QURAN	2 JUN 2018
* HARI RAYA PUASA **	15 JUN 2018
* HARI RAYA PUASA (HARI KEDUA) **	16 JUN 2018
# HARI KEPUTERAAN DYMM TUANKU RAJA PERLIS	17 JULAI 2018
* HARI RAYA QURBAN **	22 OGOS 2018
# HARI RAYA QURBAN (HARI KEDUA) **	23 OGOS 2018
* HARI KEBANGSAAN	31 OGOS 2018
* HARI KEPUTERAAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG	9 SEPTEMBER 2018
* AWAL MUHARAM (MAAL HIJRAH)	11 SEPTEMBER 2018
* HARI MALAYSIA	16 SEPTEMBER 2018
* HARI DEEPAVALI **	6 NOVEMBER 2018
* HARI KEPUTERAAN NABI MUHAMMAD S.A.W. (MAULIDUR RASUL)	20 NOVEMBER 2018
* HARI KRISMAS	25 DISEMBER 2018


CATATAN

- * HARI KELEPASAN AM PERSEKUTUAN ** TERTAKLUK KEPADA PERUBAHAN
HARI KELEPASAN AM NEGERI

PERINGATAN

JIKA MANA-MANA HARI KELEPASAN AM ITU JATUH PADA HARI KELEPASAN MINGGUAN (AHAD) ATAU HARI KELEPASAN AM YANG LAIN, MAKA HARI TERSEBUT HENDAKLAH DIGANTIKAN DENGAN HARI ESOKNYA DAN JIKA HARI ESOKNYA ITU JUGA TELAH SEDIA MENJADI HARI KELEPASAN, MAKA HARI BERIKUTNYA PULA HENDAKLAH DIJADIKAN HARI KELEPASAN, DAN BEGITULAH SETERUSNYA. JIKA HARI KELEPASAN ITU JATUH PADA HARI SABTU, TIDAK ADA HARI KELEPASAN GANTI BAGINYA.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
PERLIS.
TARIKH : 24 NOVEMBER 2017


(**NORAZLAN BIN YAHAYA**)
SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
& MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI
b.p. SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS